

Penjenayah rosakkan kemudahan MRT dikenal pasti melalui CCTV

Pelaku vandalisme akan dihukum

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF
dan AFIQ AMANI NAHDIRSHA

KUALA LUMPUR – Pelaku vandalisme yang merosakkan kemudahan awam di beberapa buah stesen Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) tidak akan terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Ini kerana Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) sedang mengenal pasti golongan tersebut menggunakan sistem televisyen litar tertutup (CCTV) yang dipasang di dalam stesen-stesen MRT dan gerabak tren berkenaan.

Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp., Datuk Najmuddin Abdullah berkata, MRT SBK dilengkapi 6,018 buah CCTV bagi mengawasi keselamatan penumpang dan mencegah perbuatan jenayah.

“Siasatan sedang dijalankan bersama operator MRT, Rapid Rail Sdn. Bhd. bagi mengenal pasti suspek yang terlibat.

“Tindakan tegas akan dikena-



KERATAN *Kosmo!* 21 Julai 2017.



NAJMUDDIN



NUREHSAN

kan terhadap pelaku vandalisme terbabit mengikut Seksyen 425 Kanun Keseksaan kerana khianat” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. Mengikut seksyen tersebut, pesalah boleh dihukum penjara sehingga tiga bulan jika sabit kesalahan.

Najmuddin memberitahu, antara beberapa kemudahan awam telah dirosakkan ialah bangku, dinding dan tandas di



PENUTUP mangkuk tandas tercabut akibat vandalisme di sebuah stesen MRT.

beberapa stesen MRT.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati dinding yang memaparkan Rukun Negara di Stesen MRT Merdeka turut mengalami kerosakan.

Ujar beliau, pihaknya akan mengambil langkah drastik bagi membaik pulih kemudahan yang telah dirosakkan itu. Difahamkan, sebanyak RM10,000 telah dibelanjakan bagi membaiki kerosakan akibat vandalisme selepas lima hari MRT SBK fasa kedua dilancarkan.



DINDING pada sebuah tandas orang kurang upaya di Stesen MRT Pasar Seni hampir tertanggal.

MRT Fasa Kedua SBK dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 17 Julai lalu melibatkan laluan Semantan ke Kajang yang keseluruhannya menelan kos RM21 bilion sekali gus melengkapkan sistem tren sejauh 51 kilometer menghubungkan Sungai Buloh ke Kajang. Pada 21 Julai lalu, *Kosmo!* melaporkan, MRT SBK dilengkapi 6,018 buah CCTV bagi mengawasi keselamatan penumpang dan mencegah perbuatan jenayah.

Sementara itu, tinjauan di Stesen MRT Bukit Bintang dan Pasar Seni di sini mendapati banyak kerosakan akibat vandalisme serta sampah dibuang merata-rata di sekitar stesen berkenaan.

Antara kerosakan itu ialah kesan calar pada dinding eskalator, bangku menunggu di platform diumpil dan kehilangan abjad pada papan tanda akibat dicabut individu tidak bertanggungjawab.

Dalam pada itu, seorang kakitangan MRT Stesen Pasar Seni yang ingin dikenali sebagai Idris berkata, aktiviti vandalisme itu amat menyedihkan kerana sistem pengangkutan awam tersebut baru dilancarkan minggu lalu.

“Ekoran itu kami meningkatkan pemantauan dengan melakukan rondaan setiap dua jam sekali melibatkan petugas MRT dan polis bantuan,” katanya.

Sementara itu, kakitangan awam, Nurehsan Norani, 29, berkata, mentaliti masyarakat terutamanya individu yang suka merosakan kemudahan awam harus diubah.